

28 NOV 1998

Mahathir-Sabah (Rangkuman)

LAWATAN MAHATHIR BAWA AMANAT PILIHAN RAYA

KOTA KINABALU, 28 Nov (Bernama) -- Lawatan dua hari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sabah berakhir di sini hari ini ketika kehangatan spekulasi pilihan raya negeri akan datang terus diperkatakan.

Walaupun lawatan beliau tidak meninggalkan sebarang kepastian mengenai tarikh sebenar pilihan raya itu, Perdana Menteri telah menyampaikan mesej yang jelas kepada rakyat Sabah agar terus memberikan sokongan kepada Barisan Nasional.

Bagi beliau, yang menjadi pertaruhan bukan semata-mata nasib kerajaan Barisan Nasional di Sabah tetapi ia juga, antara lain, menjadi penentu masa depan BN sendiri terutamanya dalam konteks menghadapi cabaran kegawatan ekonomi dan situasi politik yang dialami negara sekarang.

Pilihan raya negeri yang mesti diadakan selewat-lewatnya Mac tahun depan merupakan pilihan raya pertama yang berlangsung sejak negara dilanda krisis ekonomi Julai tahun lepas.

"Secepat mungkin, kita tidak boleh melewati tempoh tertentu. Kita tidak boleh sampai melepasi April, tentunya," kata beliau ketika mengulas tarikh pilihan raya yang menjadi tumpuan spekulasi.

Pilihan raya itu, yang kesembilan sejak Sabah mencapai kemerdekaan pada 1963, dijangka menjadi antara yang paling sengit dalam sejarah negeri ini dengan kewujudan dua parti pembangkang yang sama-sama lantang mengkritik parti pemerintah.

Kali terakhir Sabah mengadakan pilihan raya ialah pada Februari 1994 apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) memenangi 25 kerusi manakala BN mendapat 23 kerusi. PBS bagaimanapun kehilangan majoriti di Dewan Undangan Negeri sebulan kemudian apabila sebahagian besar wakil rakyatnya meninggalkan parti itu untuk menyertai BN.

Penganalisis politik berpendapat bahawa pilihan raya itu akan menjadi ujian sejauh mana penerimaan rakyat Sabah terhadap BN sebagai pembela kesejahteraan hidup rakyat berbilang kaum di negeri ini.

Ia juga dianggap sebagai ujian kepada golongan pembangkang, khususnya PBS yang mahu melihat sama ada mereka masih diingati rakyat Sabah sejak kehilangan majoriti di Dewan Undangan Negeri.

Pembabitan Parti Bersekutu pimpinan bekas Ketua Menteri Datuk Harris Salleh pula akan menilai sama ada rakyat Sabah membenarkan pemimpin lama negeri ini untuk kembali berkuasa.

Berbeza dengan lawatan beliau sebelum ini pada Ogos lepas, Perdana Menteri kali ini secara terbuka memperkatakan soal pilihan raya Sabah dengan mengajak penduduk Sabah untuk terus memberi mandat kepada BN bagi meneruskan kesinambungan pembangunan negeri.

Beliau turut menyampaikan amanat kepada parti-parti komponen BN Sabah agar mengutamakan kepentingan BN dan menyokong calon daripada mana-mana rakan komponen mereka.

"Apabila kita menang dan bentuk kerajaan, pada masa itu, kita akan memperolehi banyak kebahagiaan dan nikmat," katanya.

Dengan PAS di Semenanjung mengambil kesempatan daripada isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengurangkan sokongan rakyat kepada pimpinan negara sekarang, parti pembangkang di Sabah pula dijangka antara lain membangkitkan isu ekonomi untuk meraih undi.

Akan tetapi Perdana Menteri tetap yakin apapun isu yang dibangkitkan pembangkang di Sabah, ia tidak akan menjejaskan peluang BN untuk memenangi pilihan raya akan datang.

-- BERNAMA
JS MAM AKD